

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 29 RABU 20 JULAI, 1966. رابو 1 رابع الآخر 1386 PERCHUMA

D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN DAN D.Y.M.M. RAJA ISTERI BERANGKAT TIBA DARI LONDON HARI INI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan D. Y. M. M. Raja Isteri akan berangkat tiba di-Brunei dari London melalui Hong Kong pada jam 10.40 pagi hari ini.

**PERADUAN BACHAAN
AL-KORAN DAN SHARA-
HAN MURID2 SEKOLAH2
UGAMA SA-NEGERI
BRUNEI**

BANDAR BRUNEI.— Umat Islam dari seluruh negara akan membanjiri pekarangan Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam esok dan lusa untuk menyaksikan Peraduan Bachaan Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Kejohanan Sa-Negeri Brunei.

Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan pembukaan peraduan2 tersebut pada malam esok.

(Lihat Muka 8)


Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pertadbiran Brunei ada-lah di-minta supaya berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 10-15 pagi untuk mengalu2kan ketibaan Duli2 Yang Maha Mulia. Pakaian Seragam tidak di-kehendaki.

Duli2 Yang Maha Mulia telah berangkat ka-London dengan kapal terbang melalui Hong Kong pada hari Rabu 29 Jun, 1966 untuk melawat Putera2 dan Puteri2 Baginda kedua disana, di-antara-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang sedang berlatih dalam hal ehwal ketenteraan di-England.

MAJLIS MASHUARAT NEGERI BERSIDANG-2 OGOS

BANDAR BRUNEI.— Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei kali pertama dari Musim Permashuaratan yang ke-tujuh akan diadakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Selasa 2 Ogos, 1966 mulai jam 9.00 pagi.

(Lihat Muka 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.



Gambar ini di-ambil semasa di-adakan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Mohamed s. a. w., di-Pekan Tutong pada petang hari Juma'at 15 Julai, 1966. Dalam gambar ini kelihatan antara-nya, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Pegawai Daerah Tutong Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh; Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei Yang Mulia Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin dan lain2-nya.

Keputusan Pepereksaan Kerani2 Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 Kerajaan yang telah lulus dalam Pepereksaan Kerani2 Grade "B" dan Grade "A" bagi tahun 1965 ada-lah seperti berikut:

Grade "B": 1) Dayang Wong Mo Lian dari Pejabat Establishment. 2) Awang Abang bin Mahari dari Pejabat Kehutanan. 3) Awang Md. Yusof bin Haji Ahmad dari Pejabat Elektrik dan 4) Awang Abdul Hadi bin Ya'acob dari Jabatan Kerja Raya.

Grade "A": 1) Awang Emran bin Ismail dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan. 2) Awangku Damit bin Pengiran Chuchu dari Pejabat Ukur dan 3) Awang Salleh bin Tengah dari Pejabat Tanah.

Pegawai2 yang berikut akan di-kehendaki memasoki pepereksaan Grade "B" lagi hanya dalam perkara yang di-nyatakan di-hadapan nama mereka:

1. Md. Salleh b. A. Bakar—Atoran Pejabat.
2. Rokiah bte. Johari—Atoran Pejabat.
3. Chiam Thaw Hai—Terjemahan.
4. Bujang bin Ibrahim—Atoran Pejabat.
5. Aw. Othman bin Damit—Typing
6. Aw. Yahya bin Haji Tengah—Pengetahuan 'Am.
7. Michael Thien Wee Ho—Terjemahan.
8. Teo Geak Ho—Terjemahan.
9. P. Ibrahim b. P. Ahmad—Pengetahuan 'Am.
10. Md. Salleh b. Timbang—Pengetahuan 'Am.
11. Mariam bte. Abdullah—Ilmu Hisab.
12. Tang Yee Mee—Terjemahan.
13. Masri bin Muhijuddin—Atoran Pejabat.
14. Yusof b. Hj. Omar Ali—Typing.
15. Aw. Hassan b. A. Bakar—Atoran Pejabat.
16. Mohammad bin Haji Ali-khan—Karangan.

Pegawai2 yang berikut akan di-kehendaki memasoki pepereksaan Grade "A" lagi hanya dalam perkara yang di-nyatakan di-hadapan nama mereka:

1. Shamsu bin Hussin—Atoran Pejabat.
2. Ibrahim b. Abd. Karim—Atoran Pejabat.
3. Mohamad bin Abd. Rahman—Ilmu Hisab.
4. Yahya b. Kalong—Ilmu Hisab.
5. Othman b. Damit—Atoran Pejabat.
6. Othman bin Ahmad—Atoran Pejabat.
7. Kamis bin Md. Ali—Ilmu Hisab.
8. Ak. Razali b. P. Md. Said—Atoran Pejabat.
9. Salleh bin Hitam—Ilmu Hisab.
10. Abd. Hamid b. Simpol—Atoran Pejabat.

11. Abang bin Abd. Rani—Atoran Pejabat.
12. Md. Said bin Salleh—Atoran Pejabat.
13. Aw. Jumat bin A. Safiuddin—Atoran Pejabat.
14. Abd. Momin b. O.K.S.U. Bashah—Atoran Pejabat.
15. Abd. Latif bin Hitam—Atoran Pejabat.
16. Md. Noor bin Yassin—Atoran Pejabat.
17. Md. Yusoff bin Taha—Ilmu Hisab.
18. Ak. Sani b. P. Hj. M. Daud—Atoran Pejabat.
19. Aw. Abd. Latif b. Ajak—Atoran Pejabat.
20. Ismail bin Kadir—Atoran Pejabat.
21. Ambali bin Siok—Atoran Pejabat.
22. Ak. Othman b. P. Ismail—Ilmu Hisab.
23. M. Tanjong b. Hj. Ismail—Ilmu Hisab.
24. Aw. Umar bin Othman—Ilmu Hisab.
25. Ak. Sulaiman b. P. Buntar—Atoran Pejabat.
26. Md. Salleh b. Ag. Chuchu—Ilmu Hisab.

27. Zaini bin Mohammad—Atoran Pejabat.
28. Johari Imam Hj. Omar Ali—Atoran Pejabat.
29. Md. Jali bin Mahadi—Ilmu Hisab.
30. Anderi bin Tikom—Atoran Pejabat.
31. Ahmad Shah bin Abd.

- Rahman—Atoran Pejabat.
32. Abd. Rashid b. Hj. Talib—Atoran Pejabat.
33. Jailani b. Md. Noor—Atoran Pejabat.
34. Wan Abd. Rahman b. Syed Ali—Ilmu Hisab.
35. Ag. Shafiee bin Ahmad—Atoran Pejabat.

Membaiki Jalan2 Kechil

BANDAR BRUNEI. — Adalah di-ma'omkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa jalan2 kechil Kampong Kilanas dan Bebatek akan di-tutup sa-

lama satu bulan mulai pada hari Rabu 20 Julai, 1966 kerana urusan membaiki jalan2 itu.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Julai, hingga ka-hari Selasa 26 Julai, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	20	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14
	21	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
	22	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
	23	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
	24	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
	25	12.32	3.50	6.42	7.53	4.42	4.57	6.15
	26	12.32	3.49	6.42	7.53	4.43	4.58	6.16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Keputusan Perarakan Maulud Nabi Di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-Daerah Belait telah menyambut Maulud Nabi Mohamed s. a. w., dengan mengadakan Perarakan Keliling Pekan Kuala Belait dan Majlis Perjumpaan serta Menyampaikan Hadiah di-Padang Besar Kuala Belait pada petang hari Sabtu 9 Julai 1966.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 Perarakan tersebut.

Keputusan Perarakan itu ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN PEJABAT2 KERAJAAN DAN SHARIKAT2 PERNIAGAAN:

1. Pulis Di-Raja Daerah Belait.
2. Guru2 Ugama/Melayu Perempuan, Daerah Belait.
3. Gabongan Pejabat2 Kerajaan Kuala Belait.

BAHAGIAN SEKOLAH2 TERMA-SOK MAKTAB ANTHONY ABELL:

(A) Bahagian Lelaki—1. Kelas Ugama Maktab Anthony Abell Pasokan "A". 2. Kelas Ugama Maktab Anthony Abell Pasokan "B". 3. Sekolah Ugama Muhammad Alam, Seria.

(B) Bahagian Perempuan—1. Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria. 2. Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. 3. Kelas Ugama Maktab Anthony Abell Pasokan "C".

BAHAGIAN ORANG2 KAMPONG /KELAS2 DEWASA UGAMA.

(A) Bahagian Lelaki — 1. Kelas Dewasa Ugama Seria, Pasokan "B". 2. Kelas Dewasa Ugama Seria, Pasokan "A". 3. Kelas Dewasa Ugama, Pekan Kuala Belait, Pasokan "B".

(B) Bahagian Perempuan—1. Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait. 2. Kelas Dewasa Ugama, Pekan Kuala Belait Pasokan "A". 3. Kelas Dewasa Ugama Pekan Seria, Pasokan "B".

MENGHADHIRI KURSUS PENTADBIRAN BUROH DI-CANADA

BERAKAS — Awang Zainal bin Haji Mohamed Daud, sa-orang Inspektor Buroh telah berlepas dengan kapal terbang ka-Canada baru2 ini untuk menghadhiri kursus Pentadbiran Buroh di-sana.

Beliau akan menghadhiri kursus tersebut sa-lama enam bulan di-Quebec di-bawah Ranchangan Colompo Kerajaan Canada.

Awang Zainal mulai berkhidmat sa-bagai sa-orang kerani di-Pejabat Buroh Negeri Brunei. Beliau telah berkhidmat sa-bagai Inspektor Buroh dalam tahun 1965 ia-itu sa-lepas menghadhiri satu kursus mengenai Pentadbiran Buroh di-Kementerian Buroh, di-Kuala Lumpur.

GUNAKAN-LAH BAHASA MALAYU — BAHASA RASMI NEGARA

Awang Haslam Merasmikan Pembukaan Perkhemahan Pengakap Daerah Belait

SERIA. — Yang Dipertua Persatuan Pengakap Daerah Belait, Awang H. N. C. Haslam telah merasmikan pembukaan Perkhemahan Tahunan Pengakap2 Daerah Belait di Sungai Tali pada petang hari Sabtu 16 Julai, 1966.

Dalam ucapan Awang Haslam di-majlis tersebut, beliau telah mengucapkan tahniah kepada Pegawai2 Pengakap dan lain2-nya di-Daerah Belait yang telah bekerjasama bagi mengadakan Perkhemahan Pengakap tersebut.

Awang Haslam juga berkata bahawa beliau berasa bangga melihat banyak Pengakap2 di-Daerah Belait yang telah berkhemah di-Perkhemahan Pengakap tersebut.

Perkhemahan Pengakap itu di-mulai pada pagi hari Juma'at 15 Julai dan telah di-tamatkan pada petang hari Ahad 17 Julai.

Ramai para pelawat telah mengunjungi ka-Perkhemahan Pengakap tersebut sa-lama tiga hari itu.

Di-antara achara2 yang telah di-adakan di-Perkhemahan Pengakap itu ia-lah temasha Unggun Api pada malam hari Sabtu serta berbagai2 peraduan yang bersangkutan paut dengan Pergerakan Pengakap.

Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang Pengakap sedang membuat buayan di-Perkhemahan Pengakap2 Daerah Belait baru2 ini.



Perlawanan Hoki Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Melayu Rendah atas anjoran Pejabat Pelajaran Brunei, Peringkat Daerah telah mula di-jalankan pada minggu lalu.

Keputusan perlawanan tersebut ada-lah seperti berikut:

BAHAGIAN BRUNEI I

Dua perlawanan telah di-jalankan pada 17 Julai, 1966 bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei, ia-itu Pasokan Lelaki dan Perempuan.

PASOKAN LELAKI: Sekolah Melayu Lela Menchanai melawan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam. Keputusan-nya Sekolah Melayu Lela Menchanai mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam dengan 2 gol berbalas 1.

Maka dengan keputusan perlawanan tersebut, Sekolah Melayu Lela Menchanai menjadi Wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I untuk masuk ka-Perlawanan Hoki Peringkat Negeri.

PASOKAN PEREMPUAN: Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah melawan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam. Keputusan-nya Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam menang dengan 2 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan tersebut, Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam menjadi Wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I bagi kumpulan Perempuan untuk masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

BAHAGIAN BRUNEI II

Pada 17 Julai, 1966 dua perlawanan Peringkat Suku Akhir, Kumpulan Lelaki telah di-jalankan serempak bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam.

Pasokan2 yang berlawan

pada petang tersebut ada-lah seperti berikut:

(a) Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut berlawan dengan Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas. Keputusan-nya Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut menang dengan "pukulan sudut" 1 — 0.

(b) Sekolah Melayu Sungai Hanching melawan Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara. Keputusan-nya Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara menang dengan 3 gol berbalas 1.

Perlawanan2 Hoki yang di-jalankan pada minggu ini ada-lah seperti berikut:

18 Julai: Dua perlawanan Peringkat Suku Akhir Kumpulan Perempuan Bahagian Sekolah2 Melayu Brunei II bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Pasokan2 yang berlawan ia-lah:

(a) Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Sengkulong melawan Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas.

(b) Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut melawan Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Sungai Hanching.

19 Julai: Perlawanan Peringkat Sa-paroh Akhir, Kumpulan Lelaki Bahagian Brunei II, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Pasokan2 yang berlawan ia-lah: Sekolah Melayu Sengkulong melawan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

20 Julai: Perlawanan Peringkat Suku Akhir Kumpulan

Perempuan Bahagian Sekolah2 Melayu Brunei II bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei. Permainan akan di-mulai pada jam 3-45 petang.

Pasokan2 yang akan berlawan ia-lah Pasokan yang menang antara Perlawanan Pasokan Sengkulong dengan pasokan Delima I, Berakas melawan Pasokan yang menang antara Perlawanan Pasokan Sekolah Melayu Sungai Hanching dengan Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

21 Julai: Perlawanan Peringkat Akhir Kumpulan Lelaki Bahagian Brunei II bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei. Permainan di-mulakan pada jam 3-45 petang.

Pasokan2 yang akan berlawan ia-lah Pasokan Sekolah Melayu Sultan Omar Ali Saifuddin, Muara dengan Pasokan yang menang antara Perlawanan antara Pasokan Sekolah Melayu Sengkulong dengan Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

23 Julai: Dua perlawanan Peringkat Negeri akan di-jalankan serempak ia-itu:

(a) KUMPULAN LELAKI: Johan Bahagian Tutong I — Pasokan Sekolah Melayu Kiu-dang berlawan dengan Johan Bahagian Temburong — Pasokan Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar. Permainan di-mulakan pada jam 3-45 petang.

(b) KUMPULAN PEREMPUAN: Johan Bahagian Brunei III — Pasokan Sekolah Melayu Pengkalan Batu melawan Johan Bahagian Belait, bertempat di-Padang Kuala Belait Recreation Club mulai jam 3-45 petang. —Awang Md. Hussain bin Zainal.


Majlis Perbinchangan Anjoran Badan Perkembangan Bahasa Dan Budaya Brunei

BANDAR BRUNEI. — Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Brunei telah mengadakan satu Majlis Perbinchangan di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 15 Julai, 1966.

Di-antara para hadirin di-majlis itu ia-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamed Jamil; Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar sa-orang Pegawai Pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei dan Doktor Pangkat Harahap dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz telah memberikan satu cheramah bertajok "Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pentadbiran Kerajaan" di-majlis tersebut.

Sa-lepas itu beberapa orang yang hadir telah memberikan pendapat masing2 berkenaan dengan cheramah yang telah di-berikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz.



Achuan2 lampu minyak yang sudah di-tuangi tembaga.

Pendidekan Murid2

DUA PERISTEWA yang bersangkut puat dengan pendidekan murid2 Sekolah2 Ugama dan Sekolah2 Melayu akan berlaku di-Daerah Brunei dalam minggu ini.

Peristewa2 tersebut ia-lah Peraduan Bachaan Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Kejohanan Sa-Negeri Brunei dan pembukaan rasmi bangunan baru Sekolah Melayu Haji Md. Yussof, Kati Mahar.

Peraduan Bachaan Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Kejohanan Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin pada malam esok dan lusa. Pembukaan-nya akan di-rasmikan oleh Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim pada malam esok.

Murid2 yang akan mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut telah di-pilih sa-telah mereka berjaya dalam Peraduan2 yang telah di-adakan di-Daerah masing2.

Kejayaan murid2 itu ada-lah terbukti dari usaha Guru2 serta ibu-bapa dan penjaga murid2 untuk memberikan pendidekan yang berfaedah kapada mereka.

Pembukaan bangunan baru Sekolah Melayu Haji Md. Yussof akan di-rasmikan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Awang Mohamad Taib bin Awang Besar, pada lusa pagi.

Sa-belum Kerajaan membangunkan bangunan baru itu, murid2 sekolah tersebut telah belajar di-sa-buah bangunan sementara yang di-bangunkan dengan kerjasama oleh penduduk2 Kampong Kati Mahar. Dengan ada-nya bangunan baru bagi Sekolah tersebut, lebeh ramai lagi murid2 di-Kampong Kati Mahar dan kampong2 yang berhampiran akan dapat belajar di-sekolah itu.



Lampu minyak yang bagitu indah bentuk-nya.

BEBERAPA yang lalu peng yang datang k dak kenal aka bagai sumber nei, tetapi mere nal dengan se besi, perak dan di-usahkan ol kita.

Tetapi perusa dari seni per ninik kita itu sudah jarang k chuali kita ada mengetahui-nya

Baharu2 ini ngunjongi Kan Bukit yang leta Sungai Gadong berang sungai Masjid Omar A

BEKERJA

Kebetulan pa kumpolan pend pong tersebut s keras bagi kerja2 menuang dalam achuan2 sediakan. Kerj di-lakukan sa-c royong yang sud biasa pendudu

Menurut sala mereka itu baha pong mereka sa tinggal mengusa haan barang2 te



Menuang tembaga

SAHAAN MBAGA

“Dulu memang banyak kampong2 yang membuat kerja itu, tetapi sekarang sudah beransor2 hilang”.

“Hilang-nya perusahaan itu mungkin disebabkan pengaruh ‘makan gaji’ atau ‘menganggap kerja itu licheh — tidak guna satu sen’”. Demikian kata sa-orang pekerja di-kampong itu.

PENDAPATAN

Tetapi kalau di-tilek pada pendapatan tiap2 sa-orang dalam perusahaan itu agak lumayan juga

Tiap2 sa-orang berpendapatan antara \$120 — \$250 dalam sa-bulan dan kerja bagi menyiapkan satu2 barang itu sa-lambat2-nya sa-lama dua minggu yang tergantung pada jenis barang2 itu.

Chuma mengusahakan kerja ini agak susah, kerana di-samping menggunakan banyak perkakas2, ia-nya juga memerlukan kecekalan hati dan tahan menghadang bahang panas dari ‘penuangan’ (alat pembakar) atau pemasak tembaga itu sahingga tembaga itu hanchor yang keadaan-nya saperti lahar letupan gunung berapi.

Tidak ada peralatan moden yang di-gunakan dalam perusahaan itu dan semua kerja2 di-



lakukan lebeh banyak menggunakan tenaga dan peralatan2 itu di-buat sendiri oleh mereka.

Ukiran2 yang terdapat pada barang2 tembaga itu amat menarek perhatian juga kerana dari ukiran2 itu dapat menyatakan betapa ahli-nya orang2 Melayu Brunei dalam seni ukir.

Tetapi seni ukir dan seni pertukangan tembaga yang ada pada mereka itu telah menghadapi satu chabaran yang maha hebat. Dari chabaran itu akan dapat membuat penentuan di-kemudian hari bahawa apakah kesenian dan keahlian mereka itu maseh ada dan di-bajai supaya hidup subur dan berkembang atau hidup kering meranting dan terbiar lalu mati tanpa kubor.

Membentuk achuan dengan peralatan yang di-buat sendiri.



di-hanchorkan ka-dalam achuan “chelapa.” Dalam gambar ini juga kelihatan dapur pemasak tembaga itu (penuangan).



Sa-telah tembaga itu beku, maka achuan2 yang di-buat dari tanah liat itu di-pechahkan. Mandi? — bukan. Ketika memasak tembaga itu mereka terpaksa menghadang bahang panas dari dapur pemasak— apabila di-rasa panas mereka mandi dan ada yang terjun ka-sungai untuk menyejukkan badan.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Di-Pejabat Pelajaran

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari mereka yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Pelajaran, Brunei:—

(a) GURU

Ada banyak jawatan kosong, kebanyakan-nya ia-lah di-

(1) Darjah2 Rendah Atas di-Sekolah2 jenis Inggeris dan

(2) Darjah2 Menengah Bawah di-Sekolah2 jenis Melayu.

Sukatan2 Gaji:

Guru Terlatih Biasa ("Normal Trained") atau Guru Latihan Maktab — \$440x20 - 660/EB/690x30 - 840.

Berkelulusan degree dan berpengalaman mengajar \$620x20 - 660x30 - 840/EB/870x30 - 990.

Honours degree dan berpengalaman mengajar — \$750x30 - 990/EB/1020x30 - 1200.

(b) PEGAWAI DERMA SISWA DAN KESEJAHTERAAN (satu jawatan kosong).

Chalon2 mesti-lah berbangsa Melayu serta berpengalaman dalam bidang pentadbiran pelajaran termasuk-lah peratoran2 yang berkaitan dengan menempatkan penuntut2 di-yayasan pelajaran seberang laut.

Kelulusan Ijazah dari sebuah University yang di-akui ada-lah di-ingini.

Sukatan Gaji:

\$930x30-1050/1080x30-1200.

(c) PEGAWAI PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN (satu jawatan kosong).

Chalon2 mesti-lah mempunyai Diploma dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur atau

kelulusan yang sa-banding dengan-nya serta mempunyai pengalaman dalam bidang pengawasan dan menjaga bangunan2 sekolah selama sekurang2-nya lima tahun.

Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang berpengetahuan baik dalam bahasa Melayu.

Sukatan Gaji:

\$930x30-1050/1080x30-1200.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama.

Mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak bagi di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek kawayatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1966.

Kerani Tingkatan "A"

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 yang sedang berkhidmat di-dalam perkhidmatan Kerajaan untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkat "A". Pemohon2 hendak-lah dalam jawatan tetap dan telah lulus Peperiksaan Kerani Rendah Tingkat "A".

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$210x10 - 270 - 285/EXAM/300x15 - 360/EB/380x20 - 560.

Pegawai2 yang ingin mem-

uhon hendak-lah menghantar permohonan2 mereka melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 tersebut bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 6 Ogos, 1966.

Kerani Tingkatan "B"

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkat "B" dalam Perkhidmatan Kerani Kerajaan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10 - 270x15 - 315/EXAM BAR/330x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2:

Chalon2 bagi jawatan ini mesti-lah telah menchapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya bukan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sechra berkontrek atau sechra sabulan ka-sa-bulan.

Baksis:

Chalon2 yang di-lantek sechra berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji mereka bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat dari 30 Julai, 1966.

Kerani Tingkatan "A"

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang di-dalam Perkhidmatan Tetap dan yang telah menamatkan

Lantekan Khas

perkhidmatan-nya sebagai Kerani dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan selama sekurang2-nya lima tahun untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Kerani Tingkatan "A". Lantekan Khas di-berbagai2 Jabatan.

Chalon2 yang hendak memohonkan jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan mereka kepada Setia Usaha Kerajaan melalui Ketua2 Jabatan mereka serta mesti-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat daripada 20 Julai, 1966.

Ketua2 Jabatan, semasa menghadapkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan laporan2 sulit berthabit dengan pegawai2 ini serta menyatakan tugas2-nya sekarang, kelakuan mereka serta kebolehan2 mereka untuk di-naikkan pangkat. Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti juga di-hantarkan.

Penterjemah Inggeris/Melayu Dan Juru Trengkas Inggeris

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei:—

1. PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate, dan lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu. Chalon2 hendak-lah juga dapat membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan 380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$660x30 - 900 sa-bulan.

Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

JURUTRENGKAS INGGERIS.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus Form III Inggeris sekurang2-nya, serta mempunyai kebolehan menulis trengkas selaju 80 perkataan satu minit dan menaip selaju 30 perkataan dalam satu minit.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai kebolehan menggunakan bahasa Melayu semasa bekerja.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalon2 yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan

yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1966.

Perlawanan Sepak Raga Jaring

Maulana Al-Sultan Anjoran P.G.G.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak 38 pasukan2 di-Daerah Brunei telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam Perlawanan Sepak Raga Jaring bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-adakan atas anjoran Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, ia-itu sa-bahagian daripada projek2 tahunan P.G.G.M.B.

Ini-lah tahun kelima Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-adakan. Jumlah pasukan2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian pada tahun ini adalah lebih banyak lagi daripada jumlah pasukan yang telah mengambil bahagian pada tahun 1965.

Pada tahun lalu, sa-banyak 25 pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Perlawanan Sepak Raga Jaring tersebut di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu Bahagian "A" dan "B".

Perlawanan itu ada-lah terbuka kepada (a) Jabatan2, (b) Maktab2 dan Sekolah2, (c) Klab2 dan (d) Persatuan2, ia-itu Badan2 yang sah terdaftar dari pihak Kerajaan.

Pasukan2 yang telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut ada-lah mengandungi Kumpulan "A" — 17 Pasukan dan Kumpulan "B" — 21 Pasukan, ia-itu seperti berikut:

1. Persatuan Kampong Sungai Kebun (PUSAKA) — 2 Pasukan.
2. Persatuan Kampong Saba (PERKASA) — 2 Pasukan.
3. Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) — 2 Pasukan.

4. Maktab Perguruan Melayu Brunei (MPMB) — 2 Pasukan.
5. Ikatan Belia Berakas (IBBB) — 2 Pasukan.
6. Ikatan Kampong Lorong Sekuna (IKLS) — 2 Pasukan.
7. Kampong Ujong Bukit Bersatu (KUBU) — 2 Pasukan.
8. Askar Melayu Di-Raja Brunei (AMDB) — 2 Pasukan.
9. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei (SOAS) — 2 Pasukan.
10. Persatuan Kampong Bakut China (Badan Kesatuan Tunas Ibunda — BAKTI) — 2 Pasukan.
11. Persatuan Ikatan Setia Pahlawan (INSAP) — 2 Pasukan.
12. Perkhemahan Tahanan Berakas (SRI TANJONG) — 2 Pasukan.
13. Polis Di-Raja Brunei (PULIS) — 2 Pasukan.
14. Perkhidmatan Bomba (BOMBA) — 2 Pasukan.
15. Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai, Brunei (PERANGKAB) — 2 Pasukan.
16. Persatuan Tiga Kampong Bersatu, Sungai Hanching (TIBA) — 2 Pasukan.
17. Persatuan Pakatan Pemuda Pemuda Kampong Ayer (3PKA) — 1 Pasukan ia-itu Pasukan "B" sahaja.

JAWATAN KOSONG:

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Perkhidmatan Bomba Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada pegawai2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penyelenggara Setor Tingkat II di-Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan D2 EB 3 \$270x15-360/EB/380x20-480.

Hanya pemohon2 yang mempunyai kelayakan2 yang berikut di-kehendaki memohon:—

- (a) Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Form I, Sekolah Inggeris atau yang bersamaan dengannya.

- (b) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam kerja setor selama sekurang2-nya 5 tahun.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Julai, 1966.

Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

18. Persatuan Angkatan Pemuda Pemuda Kampong Sultan Lama, Brunei (PAPP) — 1 Pasukan, ia-itu Pasukan "B" sahaja.
19. Pasukan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) — 1 Pasukan, ia-itu Pasukan "A" sahaja.
20. Pejabat Perubatan (PERUBATAN) — 1 Pasukan, ia-itu Pasukan "B" sahaja.
21. Persekutuan Guru2 Melayu Brunei (PGGMB) — 1 Pasukan, ia-itu Pasukan "B" sahaja.
22. Persatuan Pemuda Pemuda di Kampong Sumbiling Brunei (3 PKS) — 1 Pasukan, ia-itu Pasukan "B" sahaja.

Pemenang2 pada tahun 1965 ada-lah seperti berikut:

SEPAK RAGA JARING

KUMPULAN "A": Johan — Pasukan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) — Pemegang hadiah2 rebutan (a) PERISAI Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah dan (b) OSKAR Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

KUMPULAN "B": Johan —

Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei. Pemegang hadiah rebutan PERISAI Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

SEPAK RAGA BULATAN

Johan — Pasukan Perkhidmatan Bomba Brunei. Pemegang hadiah rebutan PERISAI Iktasad Guru2 Melayu Brunei.

PERLAWANAN

KALAH MATI

Johan — Pasukan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP) "A" Pemegang hadiah rebutan PIALA Penulong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Limbang.

CHAMPORAN MATA

"A" DAN "B"

Johan — Pasukan Sepak Raga Jaring Ikatan Pemuda (SRJIP). Pemegang PIALA Penulong Menteri Kesehatan, Yang Berhormat Pehin Bendahari China Awang Hong Kok Tin.

Di-susun oleh Awang Md. Hussain bin Zainal.

Perlawanan Bola Sepak Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jadual Perlawanan Bola Sepak anjoran Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei mulai pada hari Rabu 20 Julai hingga ka-hari Selasa 26 Julai ada-lah seperti berikut:

- 20 Julai: Sungai Kedayan melawan Sumbiling "A". Penjaga Tepi — Sultan Lama "A".
- 21 Julai: Burong Pingai melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Sultan Lama "B".
- 22 Julai: 3PKA melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — Sumbiling "B".
- 23 Julai: Belia Sengkurong melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi — Sungai

- Kebun.
- 25 Julai: Perkasa melawan Kubu. Penjaga Tepi — Sumbiling "A".

- 26 Julai: Sungai Kedayan melawan Sungai Kebun. Penjaga Tepi — Perkasa.

Perlawanan2 Bola Sepak tersebut di-kekolakan oleh Persatuan Pemuda Pemuda Kampong Sumbiling dan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari yang berkenaan.

Perlawanan Bola Sepak Di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak League Daerah Belait di-bawah anjoran B. D. A. F. L. pada hari Sabtu 23 Julai dan hari Selasa 26 Julai ada-lah seperti berikut:

23 JULAI

- (a) Klab Melayu Shell "A" melawan Maktab Anthony Abell. Padang — Arena. Pengadil — Awang R. G. Clark.
- (b) Klab Dayak Shell melawan Pasukan Bekas Penuntut2 Sekolah Saint Michael. Padang — Marina. Pengadil — Pengiran Besar.
- (c) Jabatan Kerja Raya "A" melawan Jabatan Kerja Raya "B". Padang — Kuala Belait Recreation Club. Pengadil Awang Salleh.
- (d) Panaga Club melawan Kuala Belait Recreation Club. Padang — Panaga. Pengadil — Inspektor Abu

Zar bin Abu Bakar.

26 JULAI

- (a) Polis Di-Raja melawan Sekolah Saint Michael. Padang — Arena. Pengadil Awang R. G. Clark.
- (b) Kuala Belait Recreation Club melawan Jabatan Kerja Raya "B". Padang — Kuala Belait Recreation Club. Pengadil — Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.
- (c) Klab Melayu Shell "A" melawan Panaga Club. Padang — Panaga. Pengadil — Awang Salleh.
- (d) Pasukan 2/6 Gurkha Rifles melawan Maktab Anthony Abell. Padang — Marina. Pengadil — Pengiran Besar.

Sambutan Maulud Di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG.— Penduduk2 di-Daerah Tutong telah menyambut Maulud Nabi Mohamed s. a. w., dengan mengadakan Perarakan Keliling Pekan Tutong dan Perjumpaan di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada petang hari Juma'at 15 Julai, 1966.

Di-antara para hadhirin di-majlis sambutan tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh; Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin serta ramai Umat Islam lelaki dan perempuan.

Sa-belum perarakan di-mulakan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah di-perkenalkan kepada Ketua2 Pasokan.

Kemudian beberapa orang murid2 perempuan telah bernashid dengan iringan gambus di-bawah pimpinan Ustadz Awang Abdul Kadir bin Awang dan di-turuti dengan Bachaan Salawat dan tembakan mariam sa-banyak 12 das.

Sa-lepas pasokan2 yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut berkumpul sa-mula di-padang, para hadhirin telah men-

dengarkan Bachaan Al-Koran oleh Guru Al-Koran Daerah Tutong, Awang Noordin bin Choboi.

Uchapan2 yang berharga telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pengerusi Sambutan, Kadzi Daerah Tutong Yang Di-Muliakan Begawan Mudim Haji Adnan; Pemangku Kadzi Besar Negeri Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Seruddin; Penaong sambutan tersebut, Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah juga menyampaikan Sijil Kenang2an Maulud kepada tiap2 Ketua Pasokan yang mengambil bahagian. Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Tuan Imam Masjid Pekan Tutong, Awang Abdul Khani bin Abdul Ghani.

Pembukaan Rasmi Bangunan Baru Sekolah Melayu Awang Haji Md Yussof

KAMPONG KATI MAHAR.— Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Awang Mohammad Taib bin Awang Besar akan merasmikan pembukaan Bangunan Baru Sekolah Melayu Awang Haji Md. Yussof, Kati Mahar, Batu 13, Jalan Tutong, Brunei pada pagi hari Juma'at 22 Julai, 1966.

Sa-belum Yang Berhormat Awang Mohammad Taib di-jemput untuk beruchap dan merasmikan pembukaan bangunan baru sekolah tersebut, ucapan2 akan di-lafadzkan oleh beberapa orang. Di-antara-nya ia-lah Penulong Menteri Pelajaran; Pegawai Pelajaran Negara dan Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II.

JADUAL LAWATAN ROMBONGAN JABATAN KEBAJIKAN MASHARAKAT NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Jadual lawatan Rombongan Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei pada hari Sabtu 23 Julai dan hari Selasa 26 Julai ada-lah saperti berikut:

Hari Sabtu 23 Julai: Jam 10-00 pagi — Balai Raya Keriam.
Hari Selasa 26 Julai: Jam 10-00 pagi — Balai Raya Sengkarai.
Ketua2 yang berkenaan ada-lah di-minta mengumpulkan anak buahnya di-Balai2 Raya mereka masing2 pada waktu yang di-tetapkan.

PERADUAN BACHAAN AL-KORAN DAN SHARAHAN MURID2 SEKOLAH2 UGAMA

(Dari Muka 1)

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim akan menyampaikan hadiah2 pada malam lusa.

Seramai 24 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama yang berjaya dalam Peraduan2 Bachaan Al-Koran dan Sharahan di-Daerah2 Brunei dan Muara, Belait, Tutong dan Temburong akan mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut.

Enam belas orang daripada murid2 tersebut akan mengambil bahagian dalam Peraduan Bachaan Al-Koran dan delapan orang lagi akan beradu dalam Peraduan Sharahan.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI

(Dari Muka 1)

Siapa2 yang ingin menyaksikan Persidangan tersebut, hendak-lah berhubung terus dengan Jurutulis Majlis2 Mashuarat untuk mendapatkan Kad2 Kebenaran masuk bila2 masa pejabat di-buka.

Pameran Lukisan Dan Pekerjaan Tangan Sekolah2 Melayu Daerah Belait

KUALA BELAIT.— Penu-long Pegawai Daerah Belait, Awang Mohamed Sal-

leh bin Hidup telah merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan murid2 Sekolah2 Melayu Daerah Belait bagi pehak Pegawai Daerah Belait di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada pagi hari Sabtu 16 Julai, 1966.

Keputusan perduan tersebut ada-lah saperti berikut: Johan — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Naib Johan — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dan Pemegang Katiga — Sekolah Melayu Lumut.

Awang Mohamed Salleh juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan tersebut.

Ramai ibu-bapa murid2 dan lain2-nya telah mengunjongi ka-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin sa-panjang hari Sabtu yang lalu untuk menyaksikan pameran tersebut.



GAMBAR2 ATAS DAN BAWAH: Di-antara pasokan2 yang mengambil bahagian dalam Perarakan Sambutan Maulud Nabi Mohamed s. a. w., di-Daerah Tutong pada petang hari Juma'at yang lalu.